

**Kerajaan Yakin Pertumbuhan 5-6 Peratus Tahun Ini, Kata Nor Mohamed Bernama
16 Ogos, 2011**

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Kerajaan tetap yakin dapat mencapai sasaran keluaran dalam negara kasar (KDNK) lima hingga enam peratus tahun ini meskipun keadaan ekonomi global tidak menentu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, berkata enam bulan kedua tahun ini dijangka lebih baik kerana disokong oleh projek-projek kerajaan.

"Dalam tempoh enam bulan kedua tahun ini, projek-projek di bawah program transformasi ekonomi (ETP) dan projek-projek berkaitan kerajaan akan bermula secara besar-besaran dan ini akan menyumbang kepada KDNK tahun ini," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan upacara menandatangani perjanjian antara Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), SIRIM dan Agrobank di sini.

Nor Mohamed berkata demikian semasa menjawab soalan tentang sama ada pertumbuhan KDNK bagi suku kedua akan lebih rendah daripada suku pertama seperti yang diunjurkan oleh beberapa firma penyelidikan.

Kita tetap kekalkan sasaran KDNK kita sebanyak lima hingga enam peratus," tegas beliau.

-- BERNAMA

2011 Hakcipta BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=608607>